

02 DEC 1997

Mahathir-LIMA

INDUSTRI KAPAL TERBANG AKAN BERKEMBANG, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi '97 (LIMA) bermula hari ini dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan keyakinan beliau bahawa industri kapal terbang Asia Tenggara akan berkembang pada kadar yang sama pesatnya dengan kadar pertumbuhan ekonomi rantau ini sebelum berlakunya masalah ekonomi pada Julai lepas.

Perdana Menteri berkata pembuatan kapal terbang dan komponen-komponennya telah maju dengan pesat sejak LIMA pertama diadakan pada 1991 dan kini LIMA kali keempat merupakan pertunjukan udara dan maritim yang terbesar di dunia.

Beliau berkata banyak negara di Asia Tenggara sedang mengeluarkan kapal terbang kecil dan komponen-komponen bagi kapal terbang komersil yang besar.

Program penyusunan semula industri telah banyak menyumbang kepada perkembangan ini, kata Dr Mahathir dalam ucapannya bertajuk "Rantau Asia-Pasifik Sebagai Pusat Pertumbuhan Baru: Cabaran dan Peluang-peluang bagi Industri Udara dan Maritim" semasa merasmikan LIMA '97 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini.

Segmen pameran udara LIMA '97 diadakan di MIEC dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sementara pameran maritim diadakan di Tanjung Malai, lebih kurang enam kilometer dari MIEC. LIMA '97 akan berlangsung selama enam hari.

Perdana Menteri berkata sejak kejatuhan nilai mata wang, rantau ini menjadi lebih menarik bagi pengeluaran komponen berkualiti tinggi pada kos yang lebih rendah, khasnya barangan komposit yang berintensifkan buruh.

Sejak kejatuhan nilai mata wang, rantau ini menjadi lebih menarik bagi pengeluaran komponen berkualiti tinggi pada kos yang lebih rendah, khasnya barangan komposit yang berintensifkan buruh, menurut beliau.

Beliau berkata, beberapa negara di rantau Asia-Pasifik sedang berunding untuk mengadakan usaha sama bagi mengeluarkan kapal terbang jet serantau dan pesawat komersil lain.

"Tanpa diragui, industri udara di bahagian dunia ini akan tumbuh pada kadar yang tinggi seperti kadar pertumbuhan ekonomi sebelum Julai 1997," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, unjuran permintaan bagi pesawat udara daripada negara-negara Asia-Pacific dianggarkan suku daripada 15,000-pesawat terbang yang diperlukan dunia ataupun bernilai AS\$400 bilion menjelang tahun 2014.

Ini akan mewujudkan peluang-peluang yang banyak bagi pengeluaran-pengeluaran pesawat itu, kata beliau.

"Oleh itu adalah tidak mengejutkan yang sejak kebelakangan ini pembuat pesawat udara menumpukan usaha pemasaran mereka di bahagian dunia ini," katanya.

"Krisis mata wang tidak akan memberi kesan yang besar kerana jelas banyak perkara menarik sedang berlaku," kata Dr Mahathir.

"Semua ini akan menjanakan banyak peluang perniagaan kepada mereka dalam industri udara dan maritim," kata beliau.

Adalah dijangkakan beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) bernilai berjuta-juta ringgit akan ditandatangani di pameran selama enam hari itu.

Dr Mahathir berkata, walaupun nilai mata wang di rantau ini telah banyak menyusut dan ini menyebabkan kuasa membeli berkurangan, semua orang yakin yang daya tahan rantau ini menjadikan masalah itu bersifat sementara sahaja.

Beliau berkata, rakan-rakan perdagangan mempunyai kepentingan dalam

pemulihan Malaysia dan rantau ini.

"Penyusutan nilai mata wang di rantau ini akan manjadikan kita lebih kompetitif dan kita menjangka pendapatan kita meningkat dan imbalan bayaran kita akan mencatatkan lebih. Apa cara pun kapasiti untuk berbelanja akan kembali dan terus meningkat.

"Kita negara yang miskin sebelum ini tetapi dapat memajukan diri kita. Kita dapat mengulanginya sekarang," kata beliau.

Dr Mahathir percaya yang kadar pertumbuhan tinggi akan kembali ke rantau Asia Pasifik yang pada dekad lepas muncul sebagai kawasan pertumbuhan yang paling cepat daripada segi prestasi ekonomi dan perdagangan dunia.

"Kita tidak bercita-cita menjadikan abad ke 21 sebagai Abad Asia. Malaysia tidak pernah memimpikannya. Tetapi kita percaya abad ke 21 akan menjadi abad sedunia dengan semua negara bergabung, apabila sempadan yang memisah negara-negara semakin berkurangan, apabila orang-orang, barangan, teknologi dan maklumat bergerak bebas antara negara-negara di seluruh dunia," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, Asia Tenggara juga menyaksikan industri pelayaran yang tumbuh pesat dengan rangkain kapal yang terbesar dimiliki oleh sebuah syarikat Malaysia.

Sementara saiz dan kemewahan kapal-kapal mereka setaraf dengan kapal-kapal yang terbaik di dunia, kapal-kapal percutian juga mempunyai permintaan serta minat dalam pelayaran dan perlumbaan bot layar dan bot laju juga telah meningkat.

"Cabaran Malaysia akan menjadi acara dunia yang akan menarik antara pelayar yang terbaik di dunia. Pelayaran solo mengelilingi dunia oleh seorang rakyat Malaysia juga telah dicadangkan seperti percubaan menggunakan catamaran (sejenis bot) laju untuk mengelilingi dunia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun LIMA bukan pameran pertahanan, industri aeroangkasa dan maritim tidak boleh dipisahkan daripada pertahanan udara dan laut.

Beliau berkata tidak ada perlumbaan senjata di rantau ini tetapi hakikatnya ialah kelengkapan yang sudah lama perlu diganti dengan yang lebih moden yang mempunyai kemampuan yang lebih tinggi memandangkan bidang tanggungjawab pertahanan itu semakin meluas.

"Oleh itu akan wujud minat yang besar di kalangan kerajaan-kerajaan di rantau ini untuk menggantikan peralatan armada dan pertahanan udara mereka yang sudah ketinggalan zaman," katanya.

Beberapa menteri pertahanan dan pegawai tinggi tentera dari rantau ini juga menghadiri pameran itu.

Perdana Menteri berkata pertunjukan udara selalunya merupakan acara yang menarik minat orang ramai.

"Siapa tahu, mungkin ada di kalangan pengunjung yang masih muda ini akan suatu hari kelak menjadi ketua eksekutif sebuah syarikat atau pemimpin kerajaan. Dia mungkin memilih pesawat terbang atau kapal atau bot persiaran untuk kerajaan atau syarikat di bawah pimpinannya.

"Di samping itu banyak di kalangan pengunjung muda ini yang melihat bahan-bahan pameran dengan minat profesional. Jadi pengunjung yang bukan daripada bidang perdagangan itu akan juga menjadi bakal pelanggan," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berterima kasih kepada Royal Air Force (RAF) dan British Aerospace kerana membawa pasukan aerobatik Red Arrows yang masyhur itu ke pameran LIMA dan berharap agar pembuat pesawat dan tentera udara lain akan turut membawa pasukan aerobatik masing-masing pada masa akan datang.

Kira-kira 10,000 pengunjung dijangka hadir pada pertunjukan tahun ini, yang akan dibuka kepada kalangan peniaga sehingga Jumaat.

Orang ramai akan dapat menyaksikan pameran itu pada hujung minggu.

Bahagian Maritim Lima '97 sedang dilangsungkan di Tanjung Malai, kira-kira enam kilometer dari tempat pameran udara. Antara tarikan utamanya ialah empat buah kapal selam. -- BERNAMA

ES PR NMO